

LAPORAN PEMERHATIAN

Pihak Persatuan Bertindak Pilihan Raya Bebas dan Saksama (“Tindak”), salah satu badan bukan kerajaan yang memberi tumpuan kepada pembaharuan sistem pilihan raya, baru - baru ini mengambil bahagian dalam proses pemerhatian Pilihan Raya Negeri DUN Negeri Sembilan Ke-16. Kerja Pemerhati ini merupakan kali kedua untuk Tindak sejak penubuhan persatuan pada tahun 2025. Pihak kami memerhati proses pengundian pada Hari Undi Pos (Pengeluaran, Pembukaan dan Pengiraan), Semakan Isi Peti Undi dan Hari Undi Biasa (Pengundian). Berikut adalah maklumat - maklumat ringkas mengenai proses pemerhatian dari pihak Tindak.

PASUKAN

Pihak Tindak menghantar seorang Pemerhati iaitu

1. Yvette Mah Looi Yin (Bekas Ejen Tempat Mengundi/ Ejen Mengira Undi (PACA), Bekas Kerani Pengundian (KP) Pilihan Raya Kecil (PRK) Semenyih 2019, Bekas Ketua Tempat Mengundi (KTM) Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka 2021, Bekas Pemerhati untuk Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-15, PRN Selangor 2023 dan PRK Kuala Kubu Bharu 2024)

Fokus kami untuk Program Pemerhati Pilihan Raya Negeri Sembilan (hanya kawasan Parlimen Seremban) ialah:

- 1) Undi Pos (untuk DUN Sikamat dan DUN Lobak)
- 2) Semakan Isi Peti Undi (untuk DUN Lobak)
- 3) Undi Biasa (DUN Lobak)

Berikut adalah sekolah - sekolah yang diperhati oleh pasukan kami untuk Hari Undi Biasa:

Lobak

1. Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina (C) Chi Hwa
2. SJKC Kuo Min
3. SJKC Chan Wa
4. SJK Tamil Lobak
5. Sekolah Menengah Agama Dato' Klana Petra - terutama memerhati pengendalian OCR

CIRI PEMERHATIAN 1: SEBELUM HARI PENGUNDIAN

Tiada maklumat

CIRI PEMERHATIAN 2: PENGELUARAN UNDI POS

DUN Sikamat

Pemerhatian Positif

1. Enam DUN (N.09, N.10, N.11, N.12, N.13 & N.14) dibuat dalam satu lokasi yang sama, iaitu Bilik Ruang Dato' Dagang Paroi. Tiap-tiap DUN ada Pegawai Pengurus, Petugas-Petugas dan meja sendiri, PACA-PACA tersendiri. Kertas untuk pengundi luar negara dikeluarkan dahulu, lepas itu baru keluar kertas undi untuk pengundi dalam negeri seperti Petugas, Polis, Media dan pekerja Tenaga Nasional Berhad (TNB).
2. Kotak-kotak undi telah ditutup dengan "seal" sebelum kertas undi dikeluarkan dan diletak dalam kerusi atau meja di tiap-tiap Penolong Pengurus Pilihan Raya (PPP/ ARO) Undi Pos.

Pemerhatian Negatif

1. Adalah dicadangkan agar disediakan sebuah papan maklumat yang memaparkan kategori-kategori pengundi dalam kalangan pengundi pos. Langkah ini dapat memudahkan PACA dan pemerhati memperoleh maklumat yang diperlukan dengan jelas serta mengurangkan keperluan untuk mendapatkan penjelasan secara lisan.
2. Bagi pengurusan kotak undi, dua buah kotak undi telah disediakan bagi setiap DUN. Walau bagaimanapun, penyediaan dua kotak bagi setiap DUN dilihat kurang efisien dan berpotensi menyebabkan pembaziran. Hanya DUN N.13 Sikamat mempunyai seramai 501 orang pengundi, manakala lima DUN yang lain masing-masing mempunyai kurang daripada 300 orang pengundi. Oleh itu, penyediaan sebuah kotak undi sahaja adalah memadai bagi DUN-DUN tersebut.
3. Tiada tempat duduk yang disediakan untuk pemerhati semasa ketibaan. Setelah Pemerhati memaklumkan perkara tersebut kepada pihak SPR, barulah sebuah kerusi disediakan untuk kegunaan saya. Kemudian, apabila dua orang pemerhati lain tiba, pihak SPR turut menyediakan dua buah kerusi lagi untuk mereka. Keadaan ini menunjukkan bahawa penyediaan tempat duduk untuk pemerhati tidak dibuat lebih awal sebagaimana sewajarnya.

CIRI PEMERHATAN 3: SEMAKAN ISI PETI UNDI

Pemerhatian Positif

DUN Lobak

1. Pegawai memberitahu dokumen-dokumen dalam set masing-masing dan mengajar KTM dan KP1 bagaimana untuk menggunakannya.
2. Petugas diberi masa untuk makan sarapan pagi sebelum bermula semakan isi peti undi dan alat-alat.

Pemerhatian Negatif

1. Ruang legar yang digunakan sebagai tempat proses pengundian pos didapati tidak mencukupi untuk menampung operasi bagi empat DUN, iaitu N.11, N.12, N.13 dan N.14, secara serentak. Berdasarkan pemerhatian, ruang tersebut lebih sesuai untuk

menempatkan dua DUN sahaja. Oleh itu, adalah dicadangkan agar dua DUN yang lain ditempatkan di lokasi berasingan bagi memastikan pengurusan proses pengundian berjalan dengan lebih teratur, selesa dan lancar.

2. Didapati tiada ruang kerja yang mencukupi untuk KTM dan K1 bagi menjalankan semakan peralatan. Mereka terpaksa menjalankan semakan di tepi ruang legar, dan terdapat petugas yang menggunakan tempat duduk yang diperuntukkan kepada pemerhati untuk tujuan tersebut. Keadaan ini menunjukkan bahawa penyediaan ruang kerja bagi petugas tidak dirancang dengan sewajarnya serta telah menjejaskan kemudahan yang disediakan untuk pemerhati.

CIRI PEMERHATIAN 4: HARI PENGUNDIAN BIASA

DUN Lobak

Pemerhatian Positif

1. Pihak SPR telah menyediakan perkhidmatan pengangkutan ulang-alik (shuttle) di SJKC Chan Wa memandangkan lokasi sekolah tersebut berada di kawasan berbukit, sekali gus memudahkan pemilih untuk sampai ke pusat mengundi. Selain itu, semua saluran mengundi ditempatkan di aras tanah ("ground level"), sekali gus memudahkan akses, khususnya bagi warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan pemilih yang mempunyai masalah pergerakan. Langkah ini merupakan satu amalan yang baik dan wajar diteruskan.
2. Penyelia di SJKC Kuo Min memaklumkan bahawa pihak sekolah telah mengadakan perbincangan dengan SPR agar semua saluran mengundi ditempatkan di aras bawah ('ground floor'). Cadangan tersebut bertujuan memudahkan pemilih, khususnya warga emas, OKU dan mereka yang mempunyai kesukaran pergerakan, supaya tidak perlu menaiki tangga ke bilik darjah untuk mengundi. Pihak SPR telah bersetuju dengan cadangan tersebut.

Pemerhatian Negatif

1. KTM dan Petugas lain didapati tidak cukup menerima taklimat tanggungjawab daripada SPR. Banyak KTM tidak menulis bilangan pemilih dan/atau masa tutup mengundi pada pintu masuk saluran.
2. Di Saluran 3, SJKC Chi Hwa, didapati Ketua Tempat Mengundi (KTM) hanya membenarkan seorang pemilih memasuki saluran selepas pemilih sebelumnya selesai memasukkan kertas undi ke dalam peti undi. Amalan ini telah menyebabkan proses pengundian menjadi lebih perlahan, mengakibatkan pemilih, khususnya warga emas, terpaksa menunggu lebih lama dan barisan menunggu menjadi lebih panjang. Adalah dicadangkan agar aliran pergerakan pemilih diuruskan dengan lebih cekap tanpa menjejaskan kerahsiaan dan integriti proses pengundian.
3. Di SM Agama Dato' Klana Petra Maamor, N.14 Ampangan, Saluran 4, didapati pengurusan waktu rehat makan tengah hari antara KTM dan kerani pengundian kurang

teratur. Pada satu ketika, hanya terdapat dua orang KP bertugas di meja Kerani Pengundian kerana seorang kerani perlu menjalankan dua tugas serentak, iaitu membaca nama dalam senarai pemilih dan menyerahkan kertas undi kepada pemilih. Keadaan ini berlaku apabila KP3 dan KP4 mengambil waktu makan tengah hari pada masa yang sama, menyebabkan kekurangan petugas di meja Kerani Pengundian dan berpotensi menjejaskan kelancaran proses pengundian. Adalah dicadangkan agar jadual rehat petugas disusun secara bergilir supaya bilangan kerani yang mencukupi sentiasa berada di setiap meja tugas.

4. Pelaksanaan sistem Sistem Pengecaman Aksara Optik Kehadiran Pengundi (OCR-VA) di SM Agama didapati kurang memberi manfaat yang ketara kepada kelancaran proses pengundian. Berdasarkan pemerhatian, penggunaan sistem tersebut lebih dilihat sebagai satu inisiatif tambahan tanpa impak yang jelas terhadap kecekapan proses, malah memerlukan seorang pegawai SPR ditempatkan bersama di meja Kerani Pengundian untuk mengendalikan atau memantau sistem berkenaan.
5. Pemerhati wajar diberikan pelekat (sticker) kebenaran meletakkan kenderaan di dalam kawasan sekolah bagi memudahkan urusan parkir semasa menjalankan tugas. Tanpa kemudahan tersebut, pemerhati terpaksa meletakkan kenderaan di luar kawasan sekolah, yang berisiko dikenakan saman selain menghadapi masalah kekurangan ruang parkir.

CIRI PEMERHATIAN 5: PENGIRAAN UNDI POS (TERMASUK PEMBUKAAN UNDI POS)

DUN Lobak

Pemerhatian Positif

1. Semua lancar dengan baik dan cepat sebab hanya 78 kertas undi diterima balik sahaja.

Pemerhatian Negatif

1. Tiada

CADANGAN - CADANGAN UNTUK SPR

1. Dicadangkan agar penyediaan kotak undi disesuaikan mengikut jumlah pengundi bagi setiap DUN bagi meningkatkan kecekapan penggunaan sumber. Satu kotak undi adalah memadai bagi DUN yang mempunyai kurang daripada 300 orang pengundi, manakala penyediaan tambahan hanya diperlukan bagi DUN dengan jumlah pengundi yang lebih tinggi seperti N.13 Sikamat.
2. Penyediaan kerusi dan tempat sesuai bagi Pemerhati untuk Pemerhati melaksanakan tanggungjawab tanpa keperluan untuk 'mengganggu' pihak Petugas.
3. Pegawai Pengurus perlu memastikan lokasi yang sesuai disediakan bagi tujuan Semakan Isi Peti Undi. Ruang yang dipilih hendaklah mencukupi dan mempunyai

keluasan yang sesuai bagi menampung pergerakan serta keselesaan petugas. Adalah dicadangkan supaya disediakan satu buah meja dan dua buah kerusi bagi setiap saluran untuk memastikan proses semakin dapat dijalankan dengan teratur, selesai dan lancar.

4. Penyediaan kemudahan parkir yang sesuai bagi pemerhati dapat membantu memastikan kelancaran dan keselesaan mereka sepanjang proses pemantauan.
5. SPR perlu mendemokrasikan program Petugas Pilihan Raya untuk membenarkan orang yang betul-betul berminat untuk bertugas. Taklimat SPR, walaupun bagus, akan gagal jika barisan Petugas dipenuhi oleh orang yang tidak berminat dalam jawatan ini (atau datang bagi upah tambahan).
6. SPR sepatutnya perlu maklum penggunaan teknologi baru seperti OCR sebelum hari penamaan calon kepada semua parti politik, calon, Pemerhati dan barisan Petugas Pilihan Raya. SPR harus membuat libat urus dengan pemegang taruh dengan awal mengenai justifikasi bagi penggunaan teknologi baru atau tatacara baru.

SEKIAN, TERIMA KASIH

MAKLUMAT OLEH:

YVETTE MAH LOOI YIN

*PEMERHATI PILIHAN RAYA NEGERI NEGERI SEMBILAN
TINDAK*

DISUNTING OLEH:

DANESH PRAKASH CHACKO

*PENGERUSI
TINDAK*

10.8.2026

LAMPIRAN

Gambar 1: Seksyen Pemerhati sewaktu Semakan Isi Peti Undi.



Gambar 2: Kawasan yang dikhususkan untuk Semakan Isi Peti Undi. Hanya satu kerusi diberikan untuk setiap saluran dan kerusi menempatkan semua alat bagi proses pengundian.



Gambar 3: Akibat kekurangan kawasan untuk Semakan Isi Peti Undi, Petugas Pilihan Raya terpaksa melaksanakan semakan tersebut di seksyen Pemerhati.




Gambar 4: Petugas - Petugas Pilihan Raya terpaksa membuat semakan Isi Peti Undi di ruang legar.



Gambar 5: Pemerhati kami di SJK (C) Chi Hwa Seremban.



Gambar 6: Butiran nombor julat bilangan pemilih tidak tertulis oleh KTM bagi Saluran 8, SJK (C) Chi Hwa Seremban.



Gambar 7: Nombor Julat Bilangan Pemilih untuk Saluran 6, SJK (C) Kuo Min tidak tertulis.



Gambar 8: Kerusi-kerusi disediakan di SJK (C) Kuo Min untuk mengendalikan situasi jika terlebih banyak pengundi.




Gambar 9: Semua saluran di SJK (C) Kuo Min diletakkan di kawasan terbawah sekolah. Jika tidak, pengundi terpaksa menaiki tangga.



Gambar 10: Kereta “shuttle” untuk membantu pengundi menaiki kawasan cerun bagi SJK (C) Chan Wa.



Gambar 11: Pengendalian OCR di SM Agama Dato' Klana Petra Maamor.



Gambar 12: Nombor julat bilangan Pemilih tidak tertulis di SM Agama Dato' Klana Petra Maamor.

